

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

## Perkongsian pengeluaran hidrokarbon di Sabah

# Perkongsian pengeluaran hidrokarbon di Sabah

### Kerjasama PETRONAS, TE serta Shell untuk Blok 2K

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

PETRONAS mengukuhkan kerjasama dengan TotalEnergies EP Malaysia (TE) dan Shell menerusi Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) baharu.

Syarikat minyak dan gas nasional itu memeterai PSC dengan TE, PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB), Sabah Shell Petroleum Company Limited (SSPC) dan Shell Sabah Selatan Sdn Bhd (SSS) untuk Blok 2K, blok laut dalam ultra di luar pantai Sabah.

Blok SB 2K, dengan kedalaman sehingga 3,000 meter, meliputi 1,952 kilometer persegi terletak di kawasan perairan laut dalam ultra barat laut yang prolifrik dalam lembangan hidrokarbon yang terbukti dengan potensi yang sangat cerah bagi hidrokarbon.

Di bawah terma PSC, TE, anak syarikat milik penuh TotalEnergies SE yang berpangkalan di Perancis, akan menjadi pengendali dengan 34.9 peratus kepentingan penyertaan.


PCSB memegang 40 peratus kepentingan penyertaan, manakala baki 25.1 peratus dibahagikan sama rata antara dua rakan kongsi yang lain, SSPC dan SSS.

Menandatangani PSC bagi pihak PETRONAS ialah Naib Presiden Kanan Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM), Mohamed Firouz Asnan, manakala TE diwakili oleh Pengurus Besar, Penerokaan dan Pengeluaran Malaysia, Xavier Faugeras.

PCSB diwakili oleh Naib Presiden Penerokaan, Mohd Redhani Abdul Rahman, SSPC pula oleh Pengurus Kewangan, Huluan Malaysia, Hilmi Yusof dan SSS oleh Pengurus Besar, Laut Dalam Sabah, Huluan Malaysia, Prithipal Singh.

#### 4 telaga dijangka digerudi

Mohamed Firouz dalam satu kenyataan berkata, pemeteraian PSC untuk Blok 2K melengkapkan pelesenan lima blok air laut dalam ultra di luar pantai Sabah, bersa-



Blok laut dalam ultra di luar pantai Sabah, Blok 2K.

ma trend karbonat Oligo-Miosen baharu dikenal pasti yang dibuktikan oleh penemuan minyak Tapat-1 di Blok N pada 2018.

Beliau berkata, Blok 2V sudah ditandatangani tahun lalu diikuti oleh Blok 2W dan X awal

tahun ini.

“Sebanyak empat telaga dijangka digerudi di blok laut dalam ultra ini pada 2022 dan 2023, untuk meneroka wilayah hidrokarbon yang baharu muncul ini,” katanya.